

# Mendekati pensyarah punca kejayaan cemerlang

Oleh RUZAINI ZULKIFLI  
ruzainiUB@gmail.com

4B 30.11.2011 B4

**H**ASRAT mengejar cita-cita untuk berjaya dalam bidang kewangan semakin hampir setelah anak seorang mekanik diiktiraf sebagai pelajar terbaik keseluruhan (Anugerah Emas) Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) tahun ini. Samantha Lee, 23, membolot beberapa anugerah termasuk anugerah tertinggi itu mendedahkan taktik mendekati pensyarah merupakan salah satu punca kejayaan di samping ibu bapa mendoakan kecemerlangan gadis sunti mereka.



**PELAJAR TERBAIK...Samantha (tengah) diapit oleh Wai Yen (kanan) dan Irene (kiri) yang bergaya dengan cek serta anugerah masing-masing pada malam itu.**



**BANGGA... Samantha memegang plak penghargaan yang diterimanya bersempena Majlis Penghargaan Graduan (MPG) UMSKAL 2011 sambil ditemani oleh ibu bapanya, Nicholas (kanan) dan Lucy (kiri sekali).**

Mengikuti Program Ekonomi dan Kewangan Antarabangsa UMSKAL, dia berkata sikap suka bertungkus-lumus juga merupakan faktor pencerapan bermanfaat seperti memberi fokus

sepenuhnya ketika berada dalam kelas pengajian.

"Ketika pensyarah memberi tunjuk ajar, saya akan memberi fokus 100 peratus di dalam kelas.

"Sekiranya masih tidak memahami, saya akan

bertanya kepada pensyarah selain mengulangkaji sendiri ketika lapang," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penghargaan Graduan (MPG) UMSKAL 2011 di Hotel Promenade di sini Isnin lepas.

Samantha turut memperolehi Nilai Purata Gred Kumulatif (CGPA) 3.82 dan enam Anugerah Dekan sepanjang menuntut di UMSKAL. Dia amat teruja dengan anugerah berkenaan yang merupakan pencapaian tertinggi buat dirinya setakat ini.

"Saya akan lebih berazam untuk berjaya di masa hadapan. Buat masa ini, saya akan menumpukan kepada bidang kerjaya terutama dalam bidang kewangan demi membantu keluarga tercinta," katanya yang turut ditemani oleh ibu bapanya, Nicholas Lee, 51, dan Lucy Lim, 49.

Sementara itu, penerima Anugerah Perak, Looi Irene juga bersetuju dengan pendekatan rakannya bahawa sikap suka bertanya kepada pensyarah mampu memberi lebih banyak manfaat kepada pelajar untuk memahami pembelajaran sedia ada.

"Sememangnya menjadi lumrah sebagai penuntut, perkara utama adalah memberi tumpuan kepada pembelajaran di dalam kelas. Namun tidak menjadi masalah untuk lebih suka bertanya kepada para pensyarah mengenai perkara yang sukar difahami sewaktu bab-bab disampaikan di universiti,"

katanya.

Lain pula kepada penerima Anugerah Gangsa, Lai Wai Yen, yang berpendapat bahawa pembelajaran di institusi perlu diseragamkan untuk kebaikan masa hadapan seiring dengan pelbagai aktiviti ditawarkan di situ.

"Saya ada waktu untuk bermain dan belajar. Tapi yang penting tidak lari daripada sasaran pencapaian dalam pembelajaran di UMSKAL ini," katanya yang turut menggondol anugerah-anugerah lain dalam bidang Program Kewangan Antarabangsa.

Majlis berkenaan disempurnakan Pengarah UMSKAL, Profesor Dr Shariff AK Omang Al Haj yang mewakili Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Seri Dr Kamaruzaman Ampon.

Terdahulu dalam ucapannya, Kamaruzaman mengingatkan graduan supaya sentiasa mempertingkatkan jati diri serta kemahiran selaras dengan keperluan cabaran masa depan.

"Saya percaya graduan akan melalui pelbagai cabaran serta dugaan dalam tempoh pengajian di UMS dan segala cabaran dilalui di harap akan menjadikan mereka lebih matang dalam menilai erti kehidupan yang sebenar.

"Tidak ada satu formula yang mudah untuk berjaya dalam hidup dan setiap individu bertanggungjawab menentukan kecemerlangan kerjayanya sendiri," katanya.

Beliau berkata, UMSKAL mendapat peruntukan sebanyak RM24 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe-10) bagi memperbaiki dan menambahbaik fasiliti sedia ada.

"Pembinaan kemudahan seperti dewan kuliah pusat dan perpustakaan dijangka mampu menampung keperluan pelajar yang semakin bertambah setiap tahun," tambahnya.